

09 SEP 2000

MAHATHIR-TAJUDDIN/I

TAJUDDIN BERHAK TOLAK TAWARAN TNB, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 9 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata adalah menjadi hak Tan Sri Dr Ahmad Tajuddin Ali untuk menolak tawaran jawatan sebagai presiden dan ketua pegawai eksekutif Tenaga Nasional Bhd (TNB).

"Barangkali dia berasa nak kerja lain. Itu hak beliau," katanya pada sidang media selepas merasmikan bangunan KUB.com, di sini hari ini.

Dr Tajuddin adalah bekas pengerusi eksekutif syarikat kemudahan itu. Tempoh perkhidmatan beliau tamat baru-baru ini.

Semalam, pengerusi bukan eksekutif TNB Datuk Dr Jamaludin Jarjis pada sidang medianya mengumumkan bahawa Dr Tajuddin telah menolak tawaran jawatan presiden dan ketua pegawai eksekutif TNB.

Ditanya samada Tajuddin menolak tawaran itu kerana berperasaan seperti tidak diinginkan ekoran tawaran yang dibuat agak lewat, Dr Mahathir berkata: "Saya tidak tahu. Saya rasa mesti ada salah komunikasi. Saya berada di Amerika (pada masa itu)."

Beliau juga berkata Dr Tajuddin telah menjalankan tugas dengan amat baik di syarikat tenaga itu.

Mengenai pelantikan Dr Jamaludin, yang merupakan Ahli Parlimen Rompin, sebagai pengerusi TNB, Dr Mahathir berkata beliau tidak sepatutnya dilihat sebagai ahli politik.

"Beliau juga seorang ahli perniagaan. Beliau memahami perniagaan (tetapi) beliau tidak lagi terlibat dalam perniagaan yang melibatkan tenaga," katanya.

Dr Jamaludin merupakan bekas naib presiden EPE Power Corp Bhd.

Mengenai kekosongan jawatan presiden dan ketua pegawai eksekutif, Dr Mahathir berkata: "Kalau tak ada kita kena cari orang lain." Bagaimanapun, beliau menambah bahawa buat masa ini kerajaan belum ada calon untuk jawatan itu.

Beliau juga tidak menetapkan tempoh pengisian jawatan itu memandangkan sudah ada yang memangku jawatan itu.

Datuk Fuad Jaafar, dahulunya pengarah eksekutif dan naib presiden kanan (bekalan tenaga) TNB, dilantik oleh lembaga pengarah TNB semalam untuk memangku jawatan presiden dan ketua pegawai eksekutif. -- BERNAMA

LES JR